



**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA  
WISMA LKIM JALAN DESARIA  
PULAU MERANTI PUCHONG  
SELANGOR**

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

(TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB YANG  
MEMPUNYAI **SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP SAHAJA**)

**NO. SEBUTHARGA : LKIM: S7/2023**

**PROJEK : CADANGAN MENYIAPKAN KERJA TERBENGKALAI BAGI  
CADANGAN KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PEMBAIKAN  
INFRASTRUKTUR KOMPLEKS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN  
DI PELABUHAN PERIKANAN LKIM TOK BALI PASIR PUTEH  
KELANTAN**

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan **Sijil Kontraktor Penyiap** dalam dalam **Gred G5** hingga **G7 Kategori B & CE Pengkhususan B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan) CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** sahaja serta pendaftarannya yang masih lagi sah.  
**Kebenaran Khas adalah Tidak Dibenarkan.**
2. Tuan/puan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki pihak tuan/puan.
3. Sebutharga ini adalah dibuka melalui sistem e-perolehan secara atas talian. Semua kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini perlu menggunakan sistem e-perolehan ini yang boleh dilayari dilaman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>**. Urusan pertanyaan berkaitan sistem e-Perolehan hanya melalui talian **03-80649532 (Puan Norhazunainah Binti Mahadi)** Unit Perolehan LKIM dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
4. Oleh itu, semua kontraktor **DIKEHENDAKI** mendaftar terlebih dahulu secara online bagi mendapatkan id pengguna dan juga kata laluan melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>**.

5. Semua pembekal/kontraktor akan dikenakan **Yuran Pendaftaran** sebanyak **RM180.00** yang perlu dibayar kepada pembekal sistem. Akses ini hanya akan diaktifkan selepas pembekal/kontraktor melengkapkan permohonan secara online dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX secara online. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun-tahun berikutnya.
6. Taklimat dan Lawatan tapak akan di adakan pada masa, tarikh dan tempat seperti berikut dan kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Kontraktor yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan menyertai tawaran sebutharga ini.

Tarikh : 31 MEI 2023 (RABU)  
Masa : 10:00 Pagi  
Tempat : Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali  
16700 Pasir Puteh  
Kelantan

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, **hanya penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri sesi taklimat/lawatan tapak dan **tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan di dalam sijil tersebut**. Sehubungan dengan itu, **Pihak Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir sendiri dengan membawa Kad Pengenalan (penama di dalam sijil PPK/SPKK sahaja), Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Kontraktor Penyiap yang dikeluarkan oleh CIDB di dalam Gred G5 hingga G7 Kategori B & CE, Pengkhususan B04 dan CE21 SAHAJA serta satu (1) salinan untuk simpanan LKIM.**
8. Urusan pertanyaan mengenai lawatan tapak hanya melalui talian **03-80649125 (En. Abdul Roni Bin Mazuki)** dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
9. Seburtharga ini akan dijual mulai **31 MEI 2023 sehingga 9 JUN 2023 jam 11.00 pagi** secara **“online”** melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>** dengan kadar bayaran **RM10.00**.
10. Dokumen sebutharga yang telah dilengkapkan **WAJIB** di isi (Key in) dalam sistem e-perolehan secara **“Online”** melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM> pada atau sebelum **9 JUN 2023 jam 12.00 tengahari**.**
11. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.848% bagi setiap transaksi yang dijana melalui eP akan dikenakan kepada kontraktor yang dilantik kepada had maksimum RM 10,176.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM 1.2 Juta. Oleh itu syarikat dikehendaki mengambilkira Fi Perkhidmatan ini dalam tawaran Sebut Harga yang dikemukakan.